

Ucapan Perasmian
YB BARU BIAN
Menteri Kerja Raya
Sempena Majlis Perasmian

**SEMINAR ON SLOPES ENGINEERING MALAYSIA 2018 (SOSEM)
RECENT ADVANCES IN SLOPE ENGINEERING BY EXPERTS IN THE
FIELD**

4 September 2018 (Selasa)
Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya

Muka surat 1 dari 8

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

Salutations (akan disediakan oleh urusetia pada hari majlis)

Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan Pertubuhan Profesional JKR Malaysia di atas inisiatif mengadakan seminar ini dan atas kesudian mengundang saya bagi menyempurnakan perasmian **Seminar on Slopes Engineering Malaysia 2018 (SoSEM) – Recent Advances in Slope Engineering by Experts in The Field.**
2. Saya difahamkan bahawa peserta seminar ini terdiri daripada kalangan jurutera-jurutera dari Sektor Perkhidmatan Awam khususnya JKR serta daripada sektor swasta seluruh Malaysia.

3. Saya yakin, dengan ilmu, maklumat dan pengalaman yang diperolehi daripada seminar ini akan dapat membantu dalam menangani isu-isu berkaitan cerun dalam mempertingkatkan lagi tahap keselamatan, kesiapsiagaan dan kesedaran awam.

BILANGAN LOKASI CERUN SIAP DIBAIKI JALAN PERSEKUTUAN DAN PREMIS KERAJAAN DARI TAHUN 2010-2018

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Dari tahun 2010 hingga 2018, CKC telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun di hampir 2359 lokasi cerun yang gagal dengan kos yang menelan belanja hampir 0.97 billion ringgit. Ianya meliputi cerun di Jalan Persekutuan serta premis kerajaan seperti sekolah dan lain-lain lagi.
5. Pelbagai kaedah pembaikan yang digunakan selaras dengan kesesuaian di tapak dan agar kejadian kegagalan

Muka surat 3 dari 8

cerun atau tanah runtuh yang berulang tidak berlaku dilokasi yang sama.

6. Penganjuran seminar ini memang tepat pada masanya bagi kita sama-sama berkongsi pengetahuan dan mengambil langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan kejadian tanah runtuh dan kehilangan nyawa serta kerugian harta benda.

PENGGUNAAN GARISPANDUAN DAN PIAWAIAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Perancangan pembinaan cerun yang sistematik dengan mengambilkira polisi perancangan, reka bentuk, pembinaan, penyenggaraan dan amaran awal serta kesedaran awam amat penting bagi memastikan cerun-cerun yang dibina berada dalam keadaan selamat. Kerajaan sedar akan pentingnya perkara ini, demi menjamin keselamatan nyawa dan harta benda rakyat, keseluruhannya.
8. Hasil siasatan forensik yang dilaksanakan ke atas kes-kes tanah runtuh juga mendapati pembangunan di kawasan

Muka surat 4 dari 8

tanah tinggi untuk penempatan serta aktiviti pertanian merupakan kawasan **hotspot** untuk berlakunya tanah runtuh.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Antara faktor utama yang ditemui, didapati berpunca daripada isu rekabentuk dan kurang kesedaran mengenai kepentingan penyenggaraan yang menjadi penyumbang kepada kegagalan cerun.
10. Sehubungan dengan itu CKC telah menerbitkan garis panduan rekabentuk cerun untuk dijadikan rujukan semasa kerja-kerja rekabentuk dijalankan yang boleh didapati melalui laman web CKC. Manakala, buku garis panduan penyelenggaraan cerun dan spesifikasi kerja pembinaan cerun juga turut boleh dimuat turun.
11. Saya percaya dengan adanya piawaian dalam menangani isu ini semasa kerja rekabentuk dan pembinaan serta penyenggaraan, maka secara tidak langsung kita dapat mempertingkatkan lagi tahap keselamatan dan

Muka surat 5 dari 8

mengurangkan risiko kejadian tanah runtuh. Terutamanya di kawasan tanah tinggi yang bakal dibangunkan bagi pembangunan infra mahupun penempatan dan aktiviti pertanian.

SISTEM AMARAN AWAL DAN PEMANTAUAN CERUN **KESEDARAN AWAL DIKALANGAN PENGGUNA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Sistem Amaran awal dan pemantauan cerun yang sedang dibangunkan oleh JKR, diadaptasi dari model yang digunakan di negara-negara maju yang akan dapat memberikan amaran awal sebelum kemungkinan berlakunya tanah runtuh.
13. Pemakluman tersebut akan dihebahkan oleh **pihak berkuasa bencana** melalui media massa seperti televisyen, radio dan media sosial agar orang awam dapat menyedari risiko bahaya dan bergerak ke lokasi yang lebih selamat.

14. Musim hujan atau monsoon yang dijangkakan bermula pada Oktober dan akan berakhir pada Januari tahun hadapan. Tempoh empat (4) bulan ini merupakan bulan-bulan kerap berlakunya kes-kes tanah runtuh. Oleh yang demikian, kesediaan pihak berkuasa tempatan, badan beruniform serta orang awam perlu ditingkatkan melalui program-program kesedaran awam.

15. Disamping itu, saya dimaklumkan pihak CKC juga kerap melaksanakan program kesedaran dengan pihak komuniti setempat, serta melalui pengiklanan video kesedaran keselamatan cerun di stesen televisyen dan radio. Pihak CKC juga menyiarkan advertorial kesedaran awam tanah runtuh di akhbar2 tempatan. Maklumat edukatif berkaitan tanah runtuh dan kegagalan cerun juga disiarkan secara berterusan di media sosial melalui akuan twitter serta Facebook rasmi CKC.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian

16. Akhir kata, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia khususnya Cawangan Kejuruteraan Cerun dan Pertubuhan Profesional JKR Malaysia kerana telah berjaya menganjurkan seminar ini dan semoga usaha ini diteruskan untuk manfaat serta faedah kita bersama dimana ***Cerun yang selamat menyelamatkan Nyawa.***

17. Dengan ini, saya dengan ini merasmikan **Seminar on Slopes Engineering Malaysia 2018 (SoSEM) – Recent Advances in Slope Engineering by Experts in The Field.**

Sekian, terima kasih.